

MAHATHIR-DEB

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 PAGI: 25 MEI)

1984

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MELANJUTKAN TEMPOH DASAR EKONOMI BARU YANG AKAN BERAKHIR PADA TAHUN 1995 BUKAN KUNCI BAGI MENGATASI MASALAH EKONOMI BUMIPUTERA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEBALIKNYA LANGKAH ITU HANYA AKAN MELALAKAN BUMIPUTERA MENJAYAKAN PELAKSANAAN DASAR ITU DAN AKAN MENANGGUHKAN MASALAH YANG TETAP AKAN DIHADAPI PADA SUATU HARI KELAK.

KUNCI BAGI MENGATASI MASALAH TERSEBUT, KATANYA, IALAH PENGURUSAN YANG CEKAP BAGI MENGEKALKAN BAHAGIAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR EKONOMI YANG TELAH DICAPAI SEJAK DEB DILAKSANAKAN. + INILAH MATLAMAT DEB YANG SEBENARNYA. +

BERUCAP DY PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-35 DI HOTEL HILTON DISINI DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PARTI BERKATA BUMIPUTERA TIDAK BOLEH MENYALAHKAN SESIAPA JIKA MEREKA TIDAK TAHU BERJIMAT-CERMAT DAN MENGURUSKAN WANG DAN TIDAK MAHU MEMPELAJARI SELUK-BELUK URUSAN ITU.

+ TABIAT BOROS, TABIAT SUKA MENUNJUK-NUNJUK, MENGUTAMAKAN RUPA LEBIH DARIPADA ISI PERLU DISINGKIRKAN DAN BELAJARLAH CARA-CARA MENGURUS DAN BERJIMAT-CERMAT. +

+ ADALAH LEBIH BAIK DITEKANKAN SOAL KECEKAPAN PENGURUSAN DARIPADA MENWMPUKAN PERHATIAN KEPADA PEMANJANGAN TEMPOH DEB, + TEGASNYA.

-- LAGI 0854/MB

PERDANA MENTERI BERKATA DEB YANG MENJANGKAU TAHUN KE-14 PELAKSANAANNYA TELAH MENGHASILKAN PENCAPAIAN 18 PERATUS DARIPADA MATLAMAT 30 PERATUS UNTUK BUMIPUTERA.

PERKARA YANG HANGAT DIBINCANGKAN SEKARANG IALAH SAMA ADA BUMIPUTERA AKAN MENCAPAI MATLAMAT 35 PERATUS PADA AKHIR TAHUN PELAKSANAANNYA (1990) ATAUPUN SAMA ADA PERLU DITERUSKAN SELEPAS TAHUN TERSEBUT SEHINGGA TERCAPAI MATLAMAT JITU.

+ INGIN SAYA TEGASKAN BAHAWA BUKAN PERATUSAN YANG DICAPAI PADA 31 DIS. 1990 YANG PENTING. YANG PENTING IALAH KEBOLEHANKITA MENGEKALKAN APA YANG SUDAH DIMILIKI. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN WALAUPUN PADA Hujung TAHUN 1990, BUMIPUTERA TELAH MEMILIKI 30 PERATUS, TIDAK BERMAKNA PADA 1 JANUARI TAHUN BERIKUTNYA BAHAGIAN ITU DIJUAL UNTUK WANG TUNAI.

APA YANG HARUS DILAKUKAN SEMENTARA USAHA MENDAPATKAN BAHAGIAN ITU DITERUSKAN IALAH UNTUK MEMPELAJARI CARA-CARA MENGURUS WANG SUPAYA HAK YANG ADA KEKAL DAN TUMBUH SERTA BERKEMBANG.

-- LAGI 0858/MB

MAHATHIR-DEB 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA EKONOMI TIDAK STATIK, MALAH IA BERGERAK, BERKEMBANG DAN SENTIASA TUMBUH.

+ JIKA KITA TIDAK TAHU MENGURUS BAHAGIAN KITA DALAM EKONOMI DAN IA TIDAK TUMBUH DAN BERKEMBANG, BAHAGIAN X TU TENTU AKAN MEROSOT.

+ JIKA INI BERLAKU SEKALI LAGI DEB TIDAK AKAN MEMPU NYAI MAKNA, + TEGASNYA. -- BERNAHA 0903/MB